

**KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN MUZAKARAH AHLI
JAWATANKUASA FATWA NEGERI PERAK**

**HUKUM TAPAK WAKAF MASJID
YANG TIDAK DIGUNAKAN LAGI**

TUJUAN

Kertas kajian ini dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perak bagi membincangkan secara khusus berhubung status tapak wakaf masjid yang tidak digunakan lagi, sama ada dari sudut hukum, pengurusan dan tatacara penggunaannya menurut perspektif Syariah dan undang-undang semasa.

LATAR BELAKANG

2. Kertas ini merupakan lanjutan daripada “Garis Panduan Tatacara Penggunaan Masjid Lama, Tapak Masjid Lama atau Masjid yang Tidak Digunakan Lagi” yang telah dikeluarkan bagi memberikan panduan kepada pihak berkuasa agama dalam menguruskan harta wakaf berbentuk masjid yang telah tidak lagi digunakan untuk tujuan asalnya.
3. Masjid merupakan salah satu bentuk harta wakaf yang diperuntukkan khusus bagi kegunaan umat Islam untuk tujuan ibadah, khususnya solat dan aktiviti keagamaan yang lain. Oleh itu, status dan penggunaannya tertakluk kepada hukum serta tatacara yang telah ditetapkan oleh Syarak. Masjid tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya untuk tujuan lain melainkan dengan kebenaran dan keizinan hukum Syarak.

ISU DAN MASALAH

4. Perubahan persekitaran dan faktor sosio-ekonomi yang tidak dapat dielakkan telah

menyebabkan sebahagian masjid lama tidak lagi diimarahkan. Hal ini termasuklah kes-kes di mana masjid lama jarang dikunjungi, sama ada akibat penghijrahan penduduk, pertambahan kawasan bandar atau peralihan pusat komuniti ke masjid yang lebih baru dan strategik. Situasi ini menimbulkan beberapa isu syariah dan pengurusan wakaf yang perlu ditangani secara teliti bagi memastikan harta wakaf masjid tetap dimanfaatkan untuk kepentingan umat Islam serta tidak disalahgunakan atau dibiarkan terbiar.

Jadual 1.1. Bilangan masjid lama Negeri Perak

15 buah masjid	• Masjid lama dan tidak digunakan untuk solat tetapi digunakan untuk aktiviti keagamaan lain yang dibenarkan
13 buah masjid	• Masjid lama yang tidak digunakan dalam keadaan bangunan masih ada
9 buah tapak masjid	• Tapak masjid lama yang tidak digunakan dan tiada bangunan masjid

Sumber: Bahagian Pengurusan Masjid, JAIPk

- Antara isu utama yang timbul dalam konteks penggunaan tapak wakaf masjid lama ialah apabila tanah atau tapak tersebut digunakan untuk tujuan yang tidak selaras dengan hukum Syarak seperti dijadikan kawasan parkir kenderaan, tempat penyimpanan barang atau tapak komersial sementara tanpa izin dan kelulusan Majlis sebagai pemegang amanah tunggal wakaf.
- Sehubungan dengan itu, timbul persoalan utama iaitu: **apakah kaedah yang paling**

sesuai bagi menguruskan tapak wakaf masjid lama atau bangunan masjid lama yang tidak lagi digunakan agar selaras dengan prinsip Syariah?

KAJIAN LITERATUR DAN HUKUM SYARAK

Pandangan Fugaha Mengenai Masjid

7. Dari sudut bahasa, perkataan “masjid” (مَسْجِد) berasal daripada akar kata *sajada* (سَجَدَ) yang bermaksud telah sujud, *yasjudu* (يَسْجُدُ) bermaksud sedang sujud dan *sujūdan* (سُجُودًا) bermaksud meletakkan dahi ke bumi sebagai tanda tunduk dan taat kepada Allah SWT.¹¹ Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah Yūsuf ayat 100:

وَرَفَعَ أَبَوَيْهِ عَلَى الْعَرْشِ وَخَرُّوا لَهُ سُجَّدًا

Maksudnya:" dan dia (Yusuf) menaikkan kedua ibu bapanya ke atas singgahsana lalu mereka semua sujud kepadanya.

Menurut al-Zajjāj, setiap tempat di mana seseorang bersujud dan memperhambakan diri kepada Allah SWT boleh dinamakan sebagai masjid.² Perkataan masjid membawa makna tempat sujud kepada Allah SWT sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

جُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا³

Terjemahannya: “Telah dijadikan bagiku seluruh bumi ini sebagai masjid dan tempat bersuci”

Adapun perkataan *masjad* dan *masjid* kedua-duanya membawa maksud tempat sujud.

¹ Ibn Manẓur, Muhammad Ibn al-Mukarram. (t.t). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Sadir. jil. 3. h. 213.

² Al-Zajjāj. (1988). *Ma‘ānī al-Qur‘ān wa l-rābuh*. Beirut: ‘Ālam al-Kutub. jil. 2. h. 231.

³ Ibn hajar al-‘Asqalānī. (2008). *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukḥārī. Kitāb al-tayammum*. Kaherah: al-Maktabah al-Tauḥīqīyah. No. hadis 335. Juz. 1. h. 125.

Dalam bahasa Arab, bentuk jamaknya ialah *masājid* (مساجد).⁴

Menurut Ibn al-‘Arabī, perkataan *masjad* digunakan untuk mihrab rumah iaitu tempat seseorang bersolat secara individu, manakala masjid pula merujuk kepada tempat solat berjemaah. Adapun *masājid* boleh juga difahami sebagai anggota-anggota badan yang digunakan untuk sujud iaitu dahi, dua tapak tangan, dua lutut dan dua tapak kaki.⁵

8. Dari sudut Syarak, al-Zarkashī mentakrifkan masjid sebagai setiap tempat di permukaan bumi yang digunakan untuk sujud kepada Allah SWT berdasarkan hadis Rasulullah SAW bahawa seluruh bumi ini telah dijadikan sebagai tempat sujud.⁶ Ini menjelaskan bahawa masjid ialah suatu kawasan atau tempat di permukaan bumi yang bebas dimiliki oleh seseorang dan dikembalikan kepada Allah SWT sebagai pemilik mutlaknya serta dikhususkan untuk solat dan beribadah kepada-Nya.⁷

9. Had Masjid

- i. Menurut Mazhab al-Shāfi‘ī, masjid ditakrifkan sebagai sebuah tempat yang diwakafkan secara jelas (*ṣarīḥ*) untuk tujuan mendirikan solat berjemaah dan ibadah yang berterusan kepada Allah SWT. Namun, jika tempat tersebut tidak dapat dipastikan statusnya sama ada masjid atau bukan (walaupun tempat tersebut disediakan untuk mendirikan solat lima waktu) maka tempat tersebut tidak dikira sebagai masjid.⁸
- ii. Adapun *rahbah* (الرَّحْبَة) ialah kawasan lapang yang bersambung dengan masjid dan termasuk di dalam pagar atau lingkungan binaan masjid. Hal ini dijelaskan oleh

⁴ Ibn Manẓur, Muhammad Ibn al-Mukarram. (t.t). *Lisān al-‘Arab. op.cit.*

⁵ Ibn al-‘Arabī. (2003). *Aḥkām al-Qur’ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. jil. 1. h. 45.

⁶ Al-Zarkasyī, Muhammad Ibn ‘Abd Allah al-Zarkasyī. (1989). *l’lam al-Sājid bi Ahkām al-Masājid*. Mesir. cet.ii. h. 27.

⁷ Al-Harīrī, Mahmud Ibn Husayn al-Hariri. (1990). *Ahkām al- Masājid fī al-Islām*. Riyādh. h.18.

⁸ Aḥmad bin Muḥammad bin Alī bin Ḥajar al-Haytamī. (1983). *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Meşir: al-Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā. Jil. 6. h. 251.

Imām al-Nawawī dalam karya beliau *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab*:

الْمُرَادُ بِالرَّحْبَةِ مَا كَانَ مُضَافًا إِلَى الْمَسْجِدِ مُحَجَّرًا عَلَيْهِ قَالَ الشَّافِعِيُّ يَصِحُّ الْإِعْتِكَافُ
فِي رَحَابِ الْمَسْجِدِ لِأَنَّهَا مِنَ الْمَسْجِدِ

Terjemahannya: “ Yang dimaksudkan dengan *rahbah* ialah kawasan yang disandarkan kepada masjid serta dipagari bersamanya. Al-Shāfi‘ī berkata: Sah hukumnya beriktikaf di kawasan *rahbah* masjid kerana ia termasuk sebahagian daripada masjid”.⁹

- iii. Berdasarkan keterangan ini, jelas bahawa had masjid menurut Mazhab al-Shāfi‘ī meliputi kawasan yang diwakafkan secara nyata untuk masjid termasuk bahagian *rahbah* yang bersambung dengannya dan di dalam pagar. Namun, kawasan di luar pagar atau di luar lafaz wakaf tidak termasuk dalam hukum masjid dan tidak sah untuk amalan khusus seperti iktikaf.

10. Hukum Surau dan Musolla Mengikut Mazhab

- iv. Menurut Mazhab Ḥanafī, surau (*musallā* kecil) dan musolla tidak dianggap sebagai masjid dalam erti hukum yang sebenar. Ia hanyalah tempat untuk mendirikan solat berjemaah sama ada secara tetap atau sementara. Namun begitu, surau dan musolla mempunyai sebahagian hukum yang sama dengan masjid seperti larangan jual beli ketika solat sedang berlangsung tetapi tidak memiliki hukum-hukum khusus seperti iktikaf atau *tahiyyat al-masjid*. Imam al-Kāsānī menjelaskan dalam *Badā’i’ al-Ṣanā’i’* bahawa tempat yang tidak diwakafkan secara jelas untuk dijadikan masjid tidak tertakluk kepada hukum masjid walaupun digunakan untuk solat berjemaah.¹⁰

⁹ Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyiddīn Yaḥya bin Sharf. (t.t). *Kitāb al-Majmū‘ Sharḥ al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turath al-‘Arabī. Jil. 6. h. 507.

¹⁰ Al-Kāsānī. (1986). *Badā’i’ al-Ṣanā’i’ fī Tartīb al-Sharā’i’*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. jil. 3. h. 373.

- v. Mazhab al-Shāfi'ī juga berpendapat bahawa surau dan musolla bukanlah masjid kerana tidak berlaku padanya *sighah* wakaf secara *ṣarḥ* (jelas). Menurut al-Zarkashī dalam *I'lām al-Sājid*, beliau menukilkan pandangan Imām al-Ghazālī yang ditanya tentang hukum musolla yang dibina di luar kota untuk solat Hari Raya. Al-Ghazālī menjawab bahawa musolla tersebut tidak disabitkan hukum masjid kerana ia digunakan secara sementara dan tidak diwakafkan untuk solat berjemaah secara berterusan.¹¹
- vi. Menurut Mazhab Ḥanbalī, hukum musolla berbeza berdasarkan tujuan pembinaannya. Musolla yang digunakan untuk solat Hari Raya dikira sebagai masjid dari sudut hukum tertentu kerana Nabi Muhammad SAW pernah memerintahkan wanita haid supaya menjauhi musolla pada hari raya sebagaimana sabda Baginda SAW:¹²

يُخْرِجُ الْعَوَاتِقَ وَذَوَاتُ الْخُدُورِ وَالْحَيْضُ، فَيَشْهَدَنَّ الْحَيَّرَ وَدَعْوَةَ الْمُسْلِمِينَ، وَيَعْتَزِلُ الْحَيْضُ الْمُصَلَّى

Terjemahannya: "Hendaklah para gadis, wanita yang dipingit dan wanita haid keluar (pada Hari Raya) untuk menyaksikan kebaikan dan doa kaum Muslimin, tetapi wanita haid hendaklah menjauhi musolla."

(Riwayat al-Bukhārī dan Muslim)

Berdasarkan hadis ini, fuqaha Hanābilah berpendapat bahawa musolla Hari Raya dikira sebagai masjid dalam hukum tertentu, manakala musolla solat jenazah tidak dianggap sebagai masjid kerana solat jenazah tidak mempunyai rukuk dan sujud, maka tidak memenuhi ciri ibadah masjid.¹³

- vii. Kesimpulannya, tempat yang didirikan solat berjemaah lima waktu atau solat Jumaat tidak semestinya dianggap sebagai masjid. Sesuatu kawasan hanya dihukum sebagai masjid apabila telah berlaku lafaz wakaf secara jelas (*ṣarḥ*) untuk tujuan tersebut.

¹¹ Al-Zarkashī. (1994). *I'lām al-Sājid bi Ahkām al-Masājid*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994. h. 9.

¹² Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, *Kitāb al-ʿIdain*, no. hadis 971; Muslim, Ṣaḥīḥ Muslim, *Kitāb al-ʿIdain*, no. hadis 890.

¹³ Ibn Qudāmah. (1450H). *al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr. jil. 2. h. 156.

Surau atau musolla hanya dianggap sebagai tempat solat sementara atau terhad yang tidak tertakluk sepenuhnya kepada hukum-hakam masjid, khususnya dalam hal iktikaf, *tahiyat al-masjid* atau larangan masuk bagi wanita haid.

- viii. Berdasarkan peraturan dan amalan pentadbiran semasa di Negeri Perak, pendaftaran sesebuah masjid perlu melalui tatacara dan penilaian tertentu bagi memastikan statusnya sah di sisi undang-undang serta menepati maksud masjid menurut hukum Syarak dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Perak. Antara ciri-ciri dan syarat utama yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) dalam proses pendaftaran sesuatu tempat sebagai masjid ialah seperti berikut:¹⁴
- i. Tanah atau bangunan yang telah dijadikan wakaf khas kekal sebagai masjid dan dikawal oleh Majlis sebagai pemegang amanah tunggal.
 - ii. Pelaksanaan solat berjemaah lima waktu, solat sunat Hari Raya dan mempunyai pegawai-pegawai masjid yang dilantik secara rawatib.
 - iii. Mendapat kelulusan daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan perakuan daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.
 - iv. Kebiasaannya diberikan kebenaran mendirikan solat Jumaat berdasarkan keperluan semasa.

Pandangan Fugaha Mengenai Wakaf

11. Secara umum, Islam menggalakkan amalan penwakafan (*al-waqf*) sebagai salah satu cara mengekalkan manfaat harta bagi umat Islam secara berkekalan. Wakaf merujuk kepada penahanan harta daripada dimiliki secara bebas, namun manfaatnya tetap boleh dinikmati oleh pihak tertentu atau umum. Dengan itu, hak milik pewakaf gugur terhadap pemanfaatan harta tersebut selagi tidak melibatkan perkara yang haram atau bertentangan dengan Syariah.¹⁵

¹⁴ Temubual dengan Tn. Haji. Kamal Izat bin Ahmed, Pegawai Tadbir Agama Daerah Taiping, Jabatan Agama Islam Perak. Temubual pada 4 Jun 2024.

¹⁵ Wizarah al-Awqaf wa Shuun al-Islamiyyah. (1427H). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dār al-

12. Dalil al-Quran yang utama berkaitan pensyariatan wakaf terdapat dalam Surah Āli ‘Imrān, ayat 92:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: “kamu tidak sekali-kali akan mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.¹⁶

Merujuk ayat di atas, al-Qurṭubī menjelaskan bahawa istilah *al-birra* merujuk kepada pahala dan kebajikan, sebagaimana pandangan Ibn ‘Abbās dan Ibn Mas‘ūd. Oleh itu, bagi memperoleh pahala dan keberkatan tersebut, pewakaf disarankan mewakafkan barang atau harta yang paling disukainya supaya manfaatnya berkekalan dan mendatangkan kebajikan yang sempurna bagi dirinya dan umat Islam.¹⁷

13. Ayat kedua yang relevan bagi isu pengurusan masjid lama ialah Surah al-Baqarah, ayat 114. Ayat ini menegaskan ancaman keras terhadap orang-orang yang merosakkan atau tidak memakmurkan masjid. Firman Allah SWT;

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسَاجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذَكَّرَ فِيهَا أَسْمُهُ وَاسْعَىٰ فِي خَرَابِهَا ۚ أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ ۚ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi dari menggunakan masjid-masjid Allah SWT untuk (sembahyang dan) menyebut nama Allah SWT di dalamnya dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? orang-orang yang demikian tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-

Salāsīl. Jil. 44. h. 108.

¹⁶ Al-Quran, Āli Imrān [003]: ayat 92

¹⁷ Al-Qurṭubī. (2007). *Al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qur’an*. Miṣr: Dār al-Hadīth. Jil. 1. h. 496.

masjid itu melainkan dengan rasa penuh hormat dan takut kepada Allah SWT (bukan secara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar”.¹⁸

Menurut tafsir al-Qurṭubī dan Ibn Kathīr, Ibnu ‘Abbās RA menegaskan bahawa ayat 114 Surah al-Baqarah [2] diturunkan khusus kepada golongan Nasrani yang mempunyai niat jahat terhadap Masjid Baitul Maqdis dengan merosakkannya, menghalang orang menunaikan solat di dalamnya¹⁹ serta mengotorkan dan menjejaskan kesucian masjid.²⁰ Disebabkan itu, Allah SWT menurunkan ayat ini sebagai satu bentuk ancaman kepada golongan Nasrani yang berlaku zalim terhadap masjid dengan merobohkannya dan tidak memakmurkannya.

Kesimpulan hukum dari ayat ini ialah seseorang yang merobohkan masjid dengan tujuan membesarkan atau mengimarahkan kembali masjid bagi manfaat umat Islam tidak termasuk dalam ancaman ayat ini kerana niatnya selaras dengan syariat dan prinsip pemeliharaan harta wakaf.

14. Dalam konteks hadis, terdapat hadis yang jelas mengenai larangan menjual, menghadiahkan atau mewariskan harta wakaf termasuk tanah dan masjid. Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhārī (no. hadis 2586) dan Muslim (no. hadis 1632) daripada Ibnu ‘Umar RA seperti berikut;

أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ أَصَابَ أَرْضًا بِحَيْرٍ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْرٍ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ أَنْفَسَ عِنْدِي مِنْهُ، فَمَا تَأْمُرُ بِهِ؟ قَالَ: إِنَّ شَيْئًا حَبَسَتْ أَصْلُهَا، وَتَصَدَّقَتْ بِهَا قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ، أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ وَلَا يُورَثُ، وَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ، وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ، وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ

¹⁸ Al-Quran, al-Baqarah [002]: ayat 114

¹⁹ Al-Qurṭubī. (2007). *Al-Jāmi’ Li Ahkām al-Qur’an*. Kaherah: Dār al-Hadīth. Jil. 1. h. 493.

²⁰ Ibn Kathīr. (1990). *Tafsīr al-Quran al-‘Azīm*. Damsyik: Dār al-Khāir. Jil. 1. h. 166-167.

على من وليها أن يأكل منها بالمعروف، ويُطعم غير متمول.

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar RA katanya: Saidina Umar RA telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi SAW untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda SAW bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Saidina Umar RA mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Saidina Umar RA mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah SAW serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya.²¹

Menurut Ibn Qudāmah, hadis ini memberi mesej bahawa harta wakaf masjid tidak boleh dijual atau dihadiahkan kecuali dalam situasi di mana harta wakaf tersebut tidak dapat dimanfaatkan lagi. Di samping itu, Ibn Qudāmah juga menyebut bahawa Imam Mālik dan Imam al-Shāfi'ī berpendapat bahawa penjualan wakaf masjid tidak dibenarkan sama ada masjid tersebut masih boleh dimanfaatkan atau tidak, berdasarkan hadis di atas dan prinsip memelihara harta wakaf untuk manfaat umat Islam.²²

15. Ulama telah bersepakat bahawa syarat bagi sesuatu harta yang diwakafkan adalah seperti

²¹ Ibn hajar al-'Asqalānī. (2008). *Fatḥ al-Bāri Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Shurūṭ, bāb al-Shurūṭ fī al-Waqf*. Kaerah: al-Maktabah al-Tauḥīqīyyah. No. hadis 2737. Juz. 5. h. 458-459.

²² Ibn Qudāmah. (t.t). *Al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr. Jil. 7. h. 548.

berikut;²³

- i. Harta tersebut mestilah mempunyai nilai menurut hukum Syarak agar ia dapat memberikan manfaat yang nyata kepada penerima wakaf.
- ii. Harta mestilah jelas, bukan bersifat samar atau tidak tertentu agar tidak timbul pertikaian mengenai identitinya.
- iii. Harta mestilah milik pewakaf dan boleh dipindah milik supaya pewakaf mempunyai hak mutlak untuk menzahirkan niatnya dalam pengurniaan wakaf.

16. Manakala syarat harta wakaf menurut Enakmen Wakaf (Perak) 2015 adalah seperti berikut;²⁴

- i. Dimiliki oleh pewakaf - pewakaf mestilah pemilik sah bagi harta yang hendak diwakafkan.
- ii. Tidak terhalang untuk diserahkan hak kepada Majlis – harta tersebut mestilah bebas dari sebarang halangan undang-undang atau tuntutan pihak ketiga agar Majlis boleh mengambil alih pengurusan wakaf.
- iii. Boleh memberi faedah atau manfaat - harta wakaf mestilah dapat dimanfaatkan oleh penerima, sama ada melalui penggunaan langsung atau hasilnya, bagi memenuhi tujuan kebajikan, ibadah atau kepentingan umum umat Islam.

Berdasarkan syarat-syarat di atas, jelas bahawa tapak masjid lama dan barangan tinggalan masjid yang hendak diurus semula perlu memenuhi kriteria harta wakaf yang sah dari segi Syariah dan undang-undang Negeri Perak sebelum sebarang tindakan pengurusan atau penukaran fungsi dijalankan.

Pandangan Fugaha Mengenai *Istibdāl*

17. *Istibdāl* merujuk kepada proses menggantikan harta wakaf dengan harta lain melalui hasil jualan, sama ada dengan harta yang setara atau lebih baik dari segi nilai dan manfaat.

²³ Al-Zuhaylī, Wahbah al-Muṣṭafā. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyīk: Dār al-Fikr. Jil. 10. h. 7634.

²⁴ Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Bahagian V.

Tujuannya adalah untuk memastikan harta wakaf terus memberi manfaat dan selaras dengan niat pewakaf.²⁵

18. Mazhab Hanbali membenarkan pelaksanaan *istibdāl* berasaskan riwayat dari *qāwl saḥābī* ‘Saidina Umar bin al-Khaṭṭab RA. Saidina ‘Umar RA telah menulis surat kepada Sa’ad bin Abī al-Waqāṣ RA untuk memperkemaskan sistem perancangan bandar di Kūfah dengan memindahkan sebuah tapak masjid yang terletak di *Tamarīn* ke lokasi baharu kerana:

- Kepadatan penduduk menyebabkan tapak lama kurang sesuai.
- Tapak lama dijadikan pasar untuk kemudahan masyarakat.

Tindakan Saidina ‘Umar RA ini jelas menunjukkan pelaksanaan *istibdāl* bertujuan menjaga kemaslahatan penduduk tanpa menyalahi syarak.²⁶

19. Al-Mardawī (885H) salah seorang ulama mazhab Hanbali menjelaskan bahawa sebuah masjid boleh dijual dengan syarat duit hasil jualan tersebut hendaklah digunakan untuk membeli tapak masjid baharu. implikasinya ialah masjid lama tidak lagi mempunyai status hukum sebagai masjid kerana masjid baharu menggantikan fungsi dan kedudukan masjid lama. Hal ini sebagaimana penjelasan beliau di dalam *Kitāb al-Inṣāf fī Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf*;

إِذَا بِيَعَ الْمَسْجِدُ، وَاشْتَرِيَ بِهِ مَكَانًا يُجْعَلُ مَسْجِدًا، فَالْحُكْمُ لِلْمَسْجِدِ الثَّانِي، وَيَبْطُلُ حُكْمُ الْأَوَّلِ

Terjemahan: Jika masjid asal dijual dan hasil jualannya digunakan untuk membina masjid baharu, maka status masjid berpindah kepada masjid baharu, manakala masjid asal terbatal statusnya sebagai sebuah masjid.²⁷

²⁵ Al-Mardawī. (1401H/1981M). *Kitāb al-Inṣāf fī Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf*. Beirut: Dar al-Fikr. hlm. 145.

²⁶ Ibn Qudāmah. (t.t). *op.cit.* Juz. 18. h. 252

²⁷ Al-Mardawī. (1995). *Kitāb al-Inṣāf fī Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf*. Kaherah: Hajr li Ṭibā’ah wa Naṣr wa Tawzī’ wa l’lān. Jil. 16. h. 536.

Merujuk kenyataan di atas, jelas menunjukkan bahawa mazhab Hanbali membenarkan penjualan *mawqūf* (masjid), sebagaimana Ibn Qudamah (620H) menyatakan bahawa penjualan sebahagian atau keseluruhan masjid dibenarkan sekiranya masjid tersebut tidak dapat dimanfaatkan atau telah mengalami perubahan keadaan yang menyebabkan ia tidak lagi sesuai digunakan.²⁸

20. Manakala mazhab Hanafī, Mālikī dan Shāfi'ī tidak membenarkan pelaksanaan *istibdāl* terhadap wakaf masjid, sama ada masjid tersebut mengalami kerosakan atau tidak lagi digunakan.²⁹ Menurut Abū Hanīfah dan Abū Yūsuf, masjid tidak boleh dijual atau diganti kerana ia kekal sebagai *mawqūf* sehingga hari Kiamat dan menjadi milik Allah SWT.³⁰ Prinsip ini menekankan bahawa harta wakaf adalah amanah Ilahi dan pengurusan serta pemeliharannya harus mengekalkan fungsi asal tanpa mengubah status hukumnya.

Pengharaman tersebut berasaskan zahir hadis yang diriwayatkan oleh Bukhārī (no. hadis 2586) dan Muslim (no. hadis 1632) yang menjelaskan asas larangan menjual, memindah, atau menggantikan masjid yang diwakafkan berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

أَنَّهُ لَا يُبَاعُ وَلَا يُؤْتَى وَلَا يُورَثُ

Maksudnya: “Ia (harta wakaf) tidak boleh dijual, dihibah dan dipusaka.”³¹

21. Dalam menjelaskan perkara ini, Imam al-Nawawī (676H) menyatakan bahawa sebuah masjid yang telah roboh atau rosak adalah dilarang untuk dijual kerana sifat “masjid” itu kekal berdasarkan niat dan peruntukan wakaf asal. Oleh itu, status masjid tidak gugur walaupun ia telah roboh atau tidak digunakan lagi. Beliau menegaskan dalam kitab *Rawḍah al-Ṭālibīn*;

²⁸ Ibn Qudāmah. (t.t). *Al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr. Jil. 7. h. 528-529.

²⁹ Ibn Qudāmah. (t.t). *Al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr. Jil. 7. h. 530; Al-Zuhaylī, Wahbah al-Muṣṭafā. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyīk: Dār al-Fikr. Jil. 10. h. 7673-7679.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Ibn hajar al-‘Asqalānī. (2008). *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Kitāb al-Shurūṭ, bāb al-Shurūṭ fī al-Waqf*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufīqīyah. No. hadis 2737. Juz. 5. h. 458-459.

لَوْ انْهَدَمَ الْمَسْجِدُ، أَوْ خُرِبَتِ الْمَحَلَّةُ حَوْلَهُ وَتَفَرَّقَ النَّاسُ عَنْهَا فَتَعَطَّلَ الْمَسْجِدُ لَمْ يَعُدْ مِلْكًا

بِحَالٍ، وَلَا يَجُوزُ بَيْعُهُ، لِإِمْكَانِ عَوْدِهِ كَمَا كَانَ، وَلَئِنَّهُ فِي الْحَالِ يُمَكِّنُ الصَّلَاةَ فِيهِ

Terjemahan: “sekiranya sebuah masjid itu roboh atau Kawasan di sekitarnya musnah lalu penduduk berpindah meninggalkannya hingga masjid itu rosak, maka ia tidak dikembalikan kepada pemilik asal serta tidak boleh dijual, kerana masih berkemungkinan ia dikembalikan kepada keadaan asal serta masih boleh didirikan solat di atas tapaknya”.

22. Ibn Hajar al-Haytamī (974H) turut menguatkan pandangan ini dalam *al-Fatāwā al-Kubrā al-Fiqhiyyah*, bahawa status wakaf masjid kekal walaupun bangunannya telah musnah selagi mana tapaknya masih boleh digunakan atau berpotensi diimarahkan semula:

أَنَّ الْمَسْجِدَ إِذَا خَرِبَ لَا يَبْطُلُ وَفْقُهُ قَالُوا:؛ لِإِمْكَانِ الصَّلَاةِ فِيهِ وَلِإِمْكَانِ عَوْدِهِ كَمَا كَانَ

Terjemahan: “Sebuah masjid yang telah musnah tidak gugur status wakafnya, kerana ia masih boleh digunakan untuk solat dan berpotensi untuk dikembalikan seperti sediakala”

23. Bahkan, al-Qalyūbī (1069H) turut menegaskan dalam *Hāsyiah al-Qalyūbī ‘alā Sharḥ al-Maḥallī ‘alā Minhāj al-Ṭālibīn*, bahawa jika masjid tersebut roboh dan tiada lagi kemampuan atau keperluan untuk membinanya semula, maka ia tetap tidak boleh dijual dalam apa keadaan sekalipun;

وَلَوْ انْهَدَمَ مَسْجِدٌ وَتَعَدَّرَتْ إِعَادَتُهُ لَمْ يُبْعَ بِحَالٍ

Terjemahan: “Jika sebuah masjid roboh dan tidak mungkin untuk dibina semula, maka ia tidak boleh dijual dalam apa keadaan sekalipun”

24. Berdasarkan pandangan fuqaha’ mazhab Shāfi’ī ini, dapat difahami bahawa tanah masjid

yang telah diwakafkan kekal sebagai harta wakaf, walaupun masjid tersebut:

- i. Telah rosak atau runtuh;
- ii. Tidak lagi didirikan solat berjemaah;
- iii. Tidak diimarahkan akibat penghijrahan penduduk; atau
- iv. Tidak digunakan dalam tempoh yang panjang.

24. Oleh itu, penjualan, pemindahan milik atau penggunaan tapak wakaf masjid untuk tujuan lain tanpa kelulusan syarak dan perundangan adalah haram serta boleh dianggap sebagai pelanggaran amanah pewakaf (*khiyānah al-waqf*).
25. Kesimpulannya ialah semua mazhab bersepakat bahawa harta wakaf mesti dipelihara dan digunakan untuk kepentingan agama serta masyarakat. Ini dibuktikan setiap pandangan mazhab menghargai kepentingan pahala dan manfaat yang berterusan bagi pewakaf.

PERUNDANGAN DAN PELAKSANAAN *ISTIBDĀL* DI NEGERI PERAK

26. Di Negeri Perak, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) telah diberi kuasa untuk melaksanakan *istibdāl* (tukar ganti) harta wakaf sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Wakaf (Perak) 2015;

22. (1) Majlis boleh mengistibdalkan apa-apa *mawqūf* jika –

- a) kegunaan *mawqūf* tidak lagi mendatangkan manfaat dan faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh *waqif*;
- b) kegunaan *mawqūf* tidak menepati tujuan wakaf;
- c) mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;
- d) Majlis hendak mengistibdalkan masjid atau tapak masjid yang telah diwakafkan;
- e) disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan, mana-mana syarat yang ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan;

- f) mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh *waqif* tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk menentukan apa-apa cara lain bagi melaksanakan wakaf itu, supaya *mawquf* itu digunakan dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh *waqifnya*; atau
- g) dalam hal keadaan lain yang difikir perlu oleh Majlis.

(2) Apa-apa *mawquf* yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang bertulis, hendaklah diistibdalkan kepada Majlis oleh pihak berkuasa berkenaan.

27. Merujuk kepada Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) telah memilih pandangan Mazhab Hanbali yang membenarkan pelaksanaan *istibdāl* masjid³². Pandangan ini menekankan bahawa:

- a. Hasil jualan masjid lama hendaklah digunakan untuk membeli tapak masjid baru.
- b. Kaedah ini lebih menepati kepentingan, maslahat, dan keperluan umat Islam kerana ia memastikan harta wakaf sentiasa memberi manfaat.³³

PERBINCANGAN DAN *TARJĪH*

28. Kedua-dua pandangan fuqaha di atas dilihat masih boleh dibincangkan disebabkan pelaksanaan *istibdāl* masjid merupakan isu khilafiyah. Justeru, pengkaji memilih untuk mentarjih pandangan mazhab Hanbali yang membenarkan *istibdāl* masjid kerana dilihat menepati roh *maqāṣid al-syariah*, khususnya *ḥifẓ al-dīn* dan *ḥifẓ al-māl*.

- a. *Ḥifẓ al-dīn* (pemeliharaan agama): Pelaksanaan *istibdāl* masjid dilihat mampu memastikan masjid kekal berfungsi untuk ibadah sebagaimana tujuan asal wakaf masjid.

³² Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Bab IV, Seksyen 22, *Perak State Government*, Ipoh

³³ Al-Zuhaylī, Wahbah al-Muṣṭafā. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyīk: Dār al-Fikr. Jil. 10. h. 7680.

- b. *Ḥifẓ al-māl* (pemeliharaan harta): Prinsip ini bertujuan memelihara kemaslahatan manusia dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan atau pembaziran.³⁴

29. Pemilihan pandangan ini bukan kerana keluar daripada tradisi Mazhab Shāfi'ī yang menjadi pegangan rasmi Malaysia, tetapi kerana ia lebih menepati *Maqāṣid al-Syariah* dalam konteks pengurusan wakaf moden. Ia juga membolehkan wakaf kekal hidup, dinamik dan produktif.

CADANGAN

30. Berdasarkan perbincangan ringkas di atas, berikut diutarakan cadangan awal untuk dipertimbangkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa:

Pengurusan Tapak Wakaf Masjid Lama yang Tidak Digunakan

- a. Pembinaan Masjid Baharu.

- Masjid baharu hendaklah dibina di atas atau merangkumi tapak asal masjid, sekiranya keadaan tapak lama masih sesuai dan strategik.

- b. Pelaksanaan *Istibdāl* (Penjualan Tapak Masjid Lama).

- i. Penjualan dengan Rundingan Awal

- Tapak masjid lama boleh dijual kepada mana-mana pihak dengan rundingan awal dan tapak asal tersebut diwakafkan semula sebagai wakaf 'am tertakluk kepada kesesuaian lokasi.
- Hasil jualan daripada *istibdāl* digunakan untuk membeli atau membina tapak

³⁴ Al-Shāṭibī. (1405H/1985M). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Juz 2. h. 89-92.

masjid baharu sama ada di daerah yang sama atau berlainan.

ii. Penjualan Terus

- Tapak masjid lama dijual terus dan hasil jualan digunakan untuk membeli atau membina tapak masjid baharu sama ada di daerah yang sama atau berlainan.

❖ Implikasi: Tapak masjid asal hilang status dan fungsi sebagai sebuah masjid.

c. Pembangunan Bangunan Lain di Tapak Masjid Lama

- Bangunan baharu di tapak masjid lama dibenarkan hanya untuk tujuan peribadatan, pendidikan atau kebajikan dengan **syarat status 'masjid' tidak ditukar.**

d. Tapak Masjid Lama yang Tidak Sesuai untuk *Istibdāl* atau Pembangunan

- Tapak masjid lama yang tidak sesuai menggunakan kaedah-kaedah di atas hendaklah dipagar dan diselenggara bagi menjaga kesucian tapak dan mengelakkan kerosakan atau penyalahgunaan.

Pengurusan Bangunan Masjid Lama yang Tidak Digunakan

a. Baik Pulih dan Penggunaan Semula.

- Bangunan masjid lama yang masih elok hendaklah dibaik pulih dan boleh digunakan semula untuk solat fardu atau aktiviti keagamaan lain yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.

b. Pemanfaatan untuk Tujuan Peribadatan, Pendidikan atau Kebajikan.

- Bangunan boleh dimanfaatkan untuk tujuan peribadatan, pendidikan atau kebajikan dengan syarat status masjid tidak diubah.
- Sekiranya masjid lama telah diubah fungsi menjadi pusat pelancongan atau tarikan lain, hukum hakam dan adab masjid hendaklah tetap dipelihara.

c. Masjid Usang atau Terbengkalai

- Masjid yang usang atau terbengkalai hendaklah diruntuhkan sekiranya tidak sesuai untuk dibaik pulih bagi menjamin keselamatan orang ramai dan menjaga imej syiar Islam.

d. Rujukan Terhadap Tapak Setelah Runtuhan

- Sekiranya masjid lama diruntuhkan, pihak pengurusan perlu merujuk kepada terma pengurusan tapak masjid lama termasuk kemungkinan pelaksanaan *istibdāl* atau pembangunan semula untuk tujuan masjid baharu atau aktiviti yang dibenarkan.

Pengurusan Tapak Surau dan Bangunan Surau Lama

a. Rujukan Prinsip Tapak Masjid Lama

- Semua cadangan dan kaedah pengurusan tapak masjid lama boleh dirujuk untuk pengurusan tapak dan bangunan surau lama.

b. Naik Taraf dan Penukaran Fungsi

- Tapak dan bangunan surau lama boleh dinaik taraf dan ditukarkan menjadi 'wakaf saraan masjid' untuk menyokong fungsi masjid sedia ada.

SYOR

Merujuk kepada Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Majlis hendaklah merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa untuk apa-apa keputusan yang melibatkan isu berkaitan Hukum Syarak yang perlu diputuskan. Berdasarkan fakta-fakta yang dikemukakan di atas, ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dipohon untuk memberikan pandangan dan pertimbangan mengenai status tapak wakaf masjid lama yang tidak digunakan serta kaedah mentadbir dan menguruskan tapak wakaf masjid lama, dengan membuat keputusan yang tepat dalam menjaga masjid lama yang diwakafkan demi memastikan ia terus memberi manfaat spiritual dan praktikal kepada masyarakat setempat serta memenuhi tujuan awal pewakaf dengan berlandaskan hukum Islam.

RUJUKAN

Aḥmad bin Muḥammad bin Alī bin Ḥajar al-Haytamī. (1983). *Tuḥfah al-Muḥtāj fī Sharḥ al-Minhāj*. Meşir: al- Maktabah al-Tijāriyah al-Kubrā.

Al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-ʿĪdāin*, no. hadis 971; Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-ʿĪdāin*, no. hadis 890.

Al-Harīrī, Mahmud Ibn Husayn al-Hariri. (1990). *Aḥkam al- Masājid fī al-Islām*. Riyādh.

Al-Kāsānī. (1986). *Badāʾiʾ al-Ṣanāʾiʾ fī Tartīb al-Sharāʾiʾ*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Al-Mardawī. (1401H/1981M). *Kitāb al-Inṣāf fī Maʾrifah al-Rājih min al-Khilāf*. Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Nawawī, Abū Zakariyā Muhyiddīn Yahya bin Sharf. (t.t). *Kitāb al-Majmū' Sharh al-Muḥadhdhab li al-Shirāzī*. Beirut: Dār Ihya' al-Turath al-'Arabī. Jil. 6. h. 507.
- Al-Quran, al-Baqarah [002]: ayat 114
- Al-Quran, Āli Imrān [003]: ayat 92
- Al-Qurṭubī. (2007). *Al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'an*. Kaherah: Dār al-Hadīth.
- Al-Shāṭibī. (1405H/1985M). *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zajjāj. (1988). *Ma'ānī al-Qur'ān wa I'rābuh*. Beirut: 'Ālam al-Kutub. jil. 2. h. 231.
- Al-Zarkashī. (1994). *I'lām al-Sājid bi Ahkām al-Masājid*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1994. h. 9.
- Al-Zuhaylī, Wahbah al-Muṣṭafā. (2004). *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015, Bab IV, Seksyen 22, Perak State Government, Ipoh
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015. Bahagian V.
- Ibn al-'Arabī. (2003). *Ahkām al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn hajar al-'Asqalānī. (2008). *Fath al-Bārī Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Ibn Kathīr. (1990). *Tafsīr al-Quran al-'Azīm*. Damsyik: Dār al-Khāir.
- Ibn Manẓur, Muhammad Ibn al-Mukarram. (t.t). *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Sadir.
- Ibn Qudāmah. (1450H). *al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Wizarah al-Awqaf wa Shuun al-Islamiyyah. (1427H). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Kuwait: Dār al- Salāsil.

Disediakan oleh:

Dr. Muhammad Nazirul bin Mohd Sabri,
Pensyarah Kanan,
Jabatan Pengajian Islam,
Universiti Pendidikan Sultan Idris.